

# Orang ramai diminta undi projek sungai cantik

FOTO | Yong Chee Choong

**K**UALA LUMPUR: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membuka peluang kepada orang ramai untuk mengambil bahagian dalam proses pemilihan pemenang pertandingan pelan induk projek Sungai Nadi Kehidupan sejajar usaha memastikan projek itu dilaksanakan secara berkesan dan berjaya.

Pertandingan yang dilancarkan pada 12 April lalu itu memperuntukkan 20 peratus kuota keputusan daripada hasil undian orang ramai di laman web rasmi projek tersebut iaitu [www.riveroflife.com.my](http://www.riveroflife.com.my).

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Ahmad Fuad Ismail, berkata langkah itu selaras hasrat memastikan pengindahan dan pembangunan dua sungai yang diberi tumpuan, Sungai Klang dan Sungai Gombak mendapat sokongan penuh semua pihak melalui pemilihan reka bentuk pengindahan dan pembangunan terbaik secara bersama.

Menurutnya, ketika ini, lima daripada 20 konsultan sudah dipilih sebagai finalis dan pengundi bebas memilih reka bentuk paling digemari, namun 80 peratus masih berdasarkan keputusan juri.

“Sebaik pemenang diumumkan, kami sudah boleh memulakan kerja bagi dua



**LEBIH INDAH...Ahmad Fuad bersama wakil DBKL, Hajah Zainab Ghazali melihat pelan Sungai Nadi Kehidupan.**

komponen projek ini iaitu pengindahan dan pembangunan. Bagi pembersihan, dari semasa ke semasa kami sentiasa melakukannya.

“Undian akan ditutup pada 28 Julai ini dan pemenang akan diumumkan pada 31 Julai ini atau selewat-lewatnya 1 Ogos depan,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Seminar Sungai Nadi Kehidupan di Institut Latihan DBKL, Bandar Tun Razak, di sini, semalam.

Dalam perkembangan berkaitan, Ahmad Fuad berkata, pihaknya akan memanfaatkan sebaik mungkin RM4 bilion peruntukan kerajaan untuk projek berkenaan.

“Seperti diberitahu sebelum ini, objektif projek ini untuk membersihkan dan meningkatkan tahap kualiti air di sepanjang 110 kilometer (km) dua sungai terbabit menjelang 2020.

“Justeru, peruntukan ini diyakini mampu merealisasikan

impian untuk menjadikan sungai ini setanding bandar raya di negara maju seperti London dan Paris,” katanya.

Projek Sungai Nadi Kehidupan antara pelaksanaan dan perubahan yang dilakukan di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) membabitkan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) yang akan membangunkan kawasan tepian air khususnya Sungai Klang dan Sungai Gombak.